

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
KAWASAN : JERAI

SOALAN :

YB TUAN SABRI BIN AZIT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian bersedia menyambung sistem perparitan konkrit di sepanjang jalan persekutuan Batu 17, Guar Chempedak hingga ke Kota Sarang Semut agar dapat mengelakkan air banjir melimpah ke rumah penduduk dan binatang berbisa mengancam penduduk.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan Persekutuan yang dimaksudkan adalah di laluan FT001 (Jalan Butterworth – Alor Setar) bermula dari seksyen 821.50 di sempadan Yan / Kuala Muda (di kaki Gunung Jerai) dan berakhir di seksyen 837.50 di sempadan Yan / Kota Setar (di Pekan Kota Sarang Semut).

Semakan Kementerian ini dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah, dimaklumkan bahawa longkang jenis kontkrit bermula di seksyen 821.80 – 824.50 di sebelah kanan jalan (*RHS – right hand side*) di laluan FT001 tersebut. Selebihnya, sehingga seksyen 837.50 adalah terdiri daripada longkang jenis tanah.

Manakala longkang di sebelah kiri jalan (*LHS – left hand side*) sepanjang laluan FT001 adalah disenggara oleh pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Dimaklumkan oleh JKR Negeri Kedah bahawa masalah ini berlaku kerana penduduk tempatan membina jalan masuk menggunakan *pipe culvert* tanpa kebenaran. Ini menyebabkan aliran air di longkang sebelah kiri tersekat dan mengakibatkan air banjir melimpah keluar daripada longkang di sebelah kiri jalan (LHS). Pihak JKR Negeri Kedah sedia maklum akan perkara ini dan dimaklumkan tindakan sedang diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semakan Kementerian ini mendapati sehingga kini tiada sebarang permohonan projek baharu yang melibatkan jalan Persekutuan FT001 dari Batu 17, Guar Chempedak hingga ke Kota Sarang Semut dipohon oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan permohonan ini sekiranya terdapat permohonan dari pihak Kerajaan Negeri Kedah. Sekian, terima kasih.